



PELAN STRATEGIK

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

2022-2025



MAMPAK • PROGRESIF • SEJAHTERA

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG © 2022

DITERBITKAN OLEH JABATAN KORPORAT

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini. Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada :

JABATAN KORPORAT
Majlis Perbandaran Selayang,
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Telefon +603-6126 5800
Laman Web www.mps.gov.my
Bebas Tol : 1800-222-677

Isi Kandungan

► 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1. Perutusan Yang Dipertua
- 1.2. Ringkasan Eksekutif
- 1.3. Selayang Pandang MPS
- 1.4. Fungsi dan Peranan MPS
- 1.5. Punca Kuasa

► 2.0 ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

- 2.1. Pihak Berkepentingan
- 2.2. Rakan Strategik MPS
- 2.3. Isu/Cabarang Strategik berdasarkan Analisis Perkitaran

► 3.0 HALA TUJU STRATEGIK

- 3.1. Visi
- 3.2. Misi
- 3.3. Moto
- 3.4. Nilai-nilai Bersama

► 4.0 STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

- 4.1. Teras Strategik
- 4.2. Pelan Strategik
- 4.2.1 Strategi-strategi
- 4.2.2 Program
- 4.2.3 Indikator
- 4.2.4 Sasaran dan Tahun Sasaran

► 5.0 PELAKSANAAN KE ARAH KEJAYAAN

- 5.1. Mekanisme Pelaksanaan
- 5.2. Pemantauan /Penilaian / Way Forward
- 5.3. Elemen Penentu Kejayaan

Perutusan YANG DIPERTUA



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin dan rahmatNya, Majlis Perbandaran Selayang berjaya menghasilkan Pelan Strategik 2022 – 2025. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan dokumen ini.

Majlis Perbandaran Selayang meraikan Jubli Perak pada 2022 bersempena sambutan ulang tahun yang ke-25 penubuhannya sejak 1997. Satu titik bersejarah dilakar MPS pada tahun 2022 ini, dengan kejayaan menerbitkan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang 2022-2025. Moto **MAMPAN-PROGRESIF-SEJAHTERA** sekali lagi telah dipilih selari dengan misi MPS iaitu "Memperkasa Pengurusan Perbandaran ke arah Komuniti Harmoni, Kehidupan Lestari serta Persekutaran Mampan." Antara aspirasi pemegang taruh, MPS akan dipacu secara teratur dan sistematik berteraskan inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan dan juga Program Negeri Selangor Pintar 2025 yang turut dijadikan sandaran dalam membentuk dokumen ini.

Kejayaan dalam pelaksanaan Pelan Strategik MPS 2016-2021 turut menjadi pemangkin utama MPS bagi mengorak langkah yang lebih proaktif ke hadapan. Adaptasi serta pemerkasaan ke arah dunia pendigital melalui Revolusi Industri 4.0 menjadi cabaran dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Tidak dinafikan bahawa selaku pihak yang menawarkan perkhidmatan awam, MPS perlu sentiasa menambahbaik sistem perkhidmatan secara komprehensif dengan mengambil kira cabaran semasa, samada di peringkat global maupun domestik, seperti gelombang **Teknologi Digital**. Justeru,



secara tidak langsung warga MPS adalah dituntut bagi mempertingkatkan kemahiran, kreativiti, dan keupayaan digital bagi berhadapan dengan trend perkhidmatan digital pada masa kini.

Oleh itu, kerjasama dan sokongan padu semua pihak ke arah menzahirkan visi **“Majlis Perbandaran Selayang Pemacu Perbandaran Berdaya Huni ke arah status Bandaraya pada 2030”** yang ditekankan melalui dokumen ini perlu seiring dengan pendigital sektor awam bagi mencapai hala tuju yang telah ditetapkan.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassallamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.

Ringkasan EKSEKUTIF MPS



Hasrat menjadikan Selayang sebagai "Majlis Perbandaran Selayang Pemacu Perbandaran Berdaya Huni ke arah status Bandaraya pada 2030 merupakan inspirasi bersama. Oleh yang demikian Pelan Strategik Majlis Perbandaran Selayang 2022-2025 dibangunkan sebagai panduan dan rujukan utama MPS.

Pemerkasaan sistem penyampaian awam yang cekap lagi berintegriti diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan Negara. Pelaksanaan menyeluruh dan pendigitalan sektor awam adalah selari dengan keperluan semasa. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi semua yang mendiami Selayang.

Justeru bagi merealisasikan visi dan misi MPS, 5 teras strategik telah dibangunkan iaitu Pengurusan Kewangan, Kecekapan Perkhidmatan, Pengurusan Perbandaran, Tadbir Urus, dan Teknologi Maklumat. Sebanyak 20 strategi dan 66 program telah disenaraikan bagi menyokong pelaksanaan dan hala tuju strategik di MPS.

VISI

Majlis Perbandaran Selayang
Pemacu Perbandaran Berdaya Huni
ke arah status Bandaraya pada 2030

MISI

Memperkasa Pengurusan Perbandaran
ke arah Komuniti Harmoni, Kehidupan
Lestari serta Persekitaran Mampan.

MOTO

"MAMPAH, PROGRESIF, SEJAHTERA"

- Teras 1 Memperkasa pengurusan kewangan bagi memantapkan penggunaan sumber hasil untuk meningkatkan kecekapan penawaran perkhidmatan.**
- Teras 2 Meningkatkan kecekapan perkhidmatan perbandaran untuk kesejahteraan komuniti.**
- Teras 3 Memantapkan perancangan pembangunan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dan berdaya huni.**
- Teras 4 Memperkuuhkan jalinan kolaborasi dengan rakan strategik untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.**
- Teras 5 Memantapkan tadbir urus untuk meningkatkan kecemerlangan organisasi.**

Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasian, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang, mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan mengikut sasaran. Mekanisme pelaksanaan adalah melalui jadual pelaksanaan, promosi dan peruntukan kewangan yang mencukupi. Bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan lebih berkesan dari masa ke masa MPS akan mengadakan beberapa mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPS agar semua program dan tindakan berjalan dengan lancar.

Pelan Strategik MPS 2022-2025 yang dibangunkan adalah bagi memastikan MPS bergerak seiring dengan ekspektasi pelanggan dan kemajuan Negara. Dalam memastikan perkara ini dicapai dan dihayati oleh warga MPS, 3 elemen penentu kepada keberhasilan program pelan tindakan yang dibangunkan diterapkan iaitu:

- 1. KEPIMPINAN DAN KECEMERLANGAN ORGANISASI**
- 2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERINTEGRITI**
- 3. SUMBER KEWANGAN YANG KUKUH**


1.3 Selayang Pandang

Selayang Pandang



Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Ia merupakan kenaikan taraf dari Majlis Daerah Gombak yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1977. Kawasan MPS berada di dalam lingkungan konurbasi Kuala Lumpur. Keluasan kawasan MPS adalah 54,559.00 hektar dan terletak di dalam Daerah Gombak dan bersempadan dengan Negeri Pahang. Kawasan pentadbiran MPS bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS), dan juga bersempadan dengan Majlis Perbandaran Bentong (MPB).

Penduduknya berjumlah 770,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 peratus (385,288 orang), Mukim Rawang 29.5 peratus (299,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 peratus (86,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan MPS adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.



Sebanyak 45.3% kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Hutan Simpan Bukit Lagong, Hutan Simpan Kanching, Hutan Simpan Ulu Gombak, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, kawasan taddahan hujan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran MPS mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi pelancongan alam semula jadi yang menarik seperti Muzium Orang Asli, Selangor Fruit Valley, Batu Caves, Kolam Air Panas Selayang, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel, Hutan Lipur Ulu Yam, Tasik Biru Kundang dan Taman Rimba Bukit Lagong.

Terdapat 8 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS tanpa menjaskankan kualiti alam sekitar.

8 buah Bandar Utama MPS

Bandar Baru Selayang

Bandar Baru Rawang

Batu Arang

Taman Seri Gombak

Bandar Tasik Puteri

Bandar Baru Kundang

Batu Caves

Bandar Country Homes

1.4 Fungsi dan Peranan MPS

Berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 fungsi MPS dikelaskan kepada 6 kategori berikut :

1. URUS TADBIR PERBANDARAN

- a. Sebagai pengurusan tempatan
- b. Pengurusan krisis
- c. Pengurusan sistem penyampaian

2. KEBERSIHAN ALAM SEKITAR

- a. Pelupusan sisa pepejal
- b. Pengindahan kawasan
- c. Penyediaan dan penyelenggaraan kawasan rekreasi
- d. Penyediaan dan penyelenggaraan sistem peparitan
- e. Penyediaan dan penyelenggaraan kawasan lapang/hijau
- f. Pembersihan kawasan dan jalan-jalan utama

3. KESIHATAN AWAM

- a. Kawalan vektor dan rodensia
- b. Kawalan kebersihan premis makanan
- c. Kawalan kebersihan ladang ternakan
- d. Kawalan sanitasi tandas awam dan pasar
- e. Program-program kesedaran kesihatan dan alam sekitar

4. PEMBANGUNAN

- a. Rancangan Tempatan 2030
- b. Mengawal dan menguatkuasakan pembangunan melalui Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas
- c. Mengawal dan menguatkuasa kelulusan Pelan Pembangunan

- d. Mengawal dan menguatkuasa kelulusan Pelan Kerja Tanah
- e. Mengawal dan menguatkuasa kelulusan Pelan Jalan dan Parit
- f. Mengawal dan menguatkuasa kelulusan Pelan Landskap
- g. Mengawal dan menguatkuasa Kelulusan permohonan lampu awam
- h. Mengawal dan menguatkuasa permit bangunan sementara
- i. Kawalan pembangunan kawasan sensitive alam sekitar dan tanah tinggi

5 KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR

- a. Menyedia dan menyelenggara kemudahan awam
- b. Menyedia dan menyelenggara kemudahan jalan, infrastruktur dan utiliti perbandaran
- c. Mengurus tempat letak kereta

6. SOSIAL

- a. Program Kemasyarakatan (kebudayaan, sosial, agama, belia & sukan)
- b. Program Bandar Mampan
- c. Program Bandar Selamat
- d. Program Local Agenda 21 (LA21)
- e. Bantuan bencana alam
- f. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)*

MPS menjalankan tugas berlandaskan kepada peruntukan undang-undang seperti yang disenaraikan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Pihak Berkuasa Tempatan:

AKTA

1. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
2. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
4. Akta Makanan 1983 (Akta 281)
5. Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757)
6. Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318)
7. Akta Keterangan 1952 (Akta 56)
8. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Akta 154)
9. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 (Akta 198)
10. Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
11. Akta Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
12. Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Peraturan-peraturan (Akta 514)
13. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)
14. Akta Berkaitan

KANUN

1. Kanun Tanah Negara (Akta 556)
2. Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593)
3. Kanun Berkaitan

ENAKMEN

1. Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau Selangor 1971
2. Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor 1995)
3. Enakmen Berkaitan

PERATURAN

1. Peraturan-Peraturan Perlu (Pembersihan Setinggan-setinggan) 1969
2. Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempatan-Tempatan Hiburan (Selangor) 1996
3. Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Permainan Snuker dan Video) (Kawalan dan Penyeliaan) (Selangor) 1996
4. Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan & Pengurusan) 2015
5. Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Tribunal Pengurusan Strata) 2015
6. Peraturan Berkaitan

PERINTAH

1. Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
2. Perintah Tetap (Mesyuarat) (Majlis Perbandaran Selayang) 2007
3. Perintah Berkaitan

KAEDAH

1. Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan Dan Tatatertib) (Majlis Daerah Gombak) 1995
2. Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 1999
3. Kaedah-Kaedah Perintah Pemeliharaan Pokok 2001
4. Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) (Selangor) 2001
5. Kaedah Caj Pemajuan Tahun 2010
6. Kaedah Berkaitan

2.1 Pihak Berkepentingan

1. Pihak Berkuasa Negeri dan Persekutuan
2. Agensi Kerajaan
3. Pengurusan
4. Kakitangan Pengubal Dasar
5. Pemaju
6. Pembekal
7. Masyarakat

Nota :

- Pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan sesuatu program dan boleh membuat/mempengaruhi dasar terhadap sesuatu program.

2.2 PELANGGAN / RAKAN STRATEGIK

1. Masyarakat*
2. Agensi Kerajaan*
3. Swasta
4. Pemilik Kediaman / Premis
5. Pelanggan Dalaman Warga Kerja MPS
6. Pelawat / Pelancong
7. Komuniti Perniagaan
8. Badan Bukan Kerajaan (NGO)
9. Pemaju*
10. Pihak Berkuasa Negeri dan Persekutuan*

Nota :

- '*' Terdiri daripada pihak Berkepentingan.
- Pelanggan – Pihak yang menerima faedah secara langsung atau tidak langsung daripada hasil program / aktiviti yang dijalankan.
- Rakan Strategik – Sesuatu organisasi / kumpulan / pertubuhan / entity yang menjalinkan kerjasama dengan Agensi secara langsung bagi mencapai sesuatu matlamat bersama. (boleh terdiri daripada selain pemegang taruh / pelanggan)

2.3 Isu/cabaran strategik berdasarkan analisis persekitaran

Dalam menganalisa persekitaran, kerangka PESTLE telah digunakan untuk memberikan perspektif yang menyeluruh dalam kajian persekitaran.

Political (Politik) Suasana politik yang memberi impak kepada perancangan jangka sederhana dan Panjang bagi sesuatu organisasi	<ul style="list-style-type: none"> Kestabilan politik dan keutuhan pentadbiran diperlukan dalam menjayakan pelan strategik ini Ini juga memberikan kesan langsung terhadap kesinambungan perancangan terdahulu serta meneruskan gerak kerja yang dinamik ke arah perbandaran Mampan, Progresif dan Sejahtera. Hubungan baik antara Ahli Majlis, Penduduk, MPS dan lain-lain pemegang taruh merupakan kunci kejayaan pelan strategik ini.
Economic (Ekonomi) Keutuhan ekonomi semasa dan unjuran masa akan datang dalam tempoh jangka panjang	<ul style="list-style-type: none"> Kedudukan ekonomi memberikan impak terhadap perancangan dan pelaksanaan pelan strategik ini. Ia juga satu faktor yang diukur dipelbagai peringkat sebagai tanda aras keberkesanan program pembangunan ekonomi sesuatu perbandaran Perlu semakan cukai bagi menambah punca pendapatan selari dengan pembangunan pesat Selayang Terdapat keperluan untuk memperkuatkukuhkan ekosistem dalam memudahcara peningkatan ekonomi penduduk MPS (RS1:2:1)
Social (Sosial) Persekitaran sosial yang mempengaruhi keputusan dalam merangka Pelan Strategik	<ul style="list-style-type: none"> Jurang sosial merupakan isu yang perlu ditangani secara tuntas. Ini adalah kerana perbandaran kejiranan MPS yang berbeza terutama persempadanan dengan beberapa Bandaraya. Perbezaan taraf hidup memerlukan MPS untuk merancang pembangunan yang menyeluruh dalam memenuhi hasrat pemegang taruh Aspirasi untuk menjadikan Selayang Bandar Sejahtera memerlukan fokus kepada usaha pembinaan jalinan perhubungan yang lebih kukuh melalui program libat urus yang efektif.
Technology (Teknologi) Impak teknologi dalam menentukan halatuju organisasi masa akan datang.	<ul style="list-style-type: none"> Ledakan teknologi memerlukan MPS untuk memperkasakan usaha pendigitalan proses kerja hujung-ke-hujung yang cekap Tahap penggunaan aplikasi sedia ada perlu ditingkatkan dan penambahbaikan fungsi dalam pendigitalan merupakan salah satu faktor kejayaan pelan strategik ini. Kompetensi dalaman dalam menggunakan teknologi sebagai pemangkin juga perlu dipertingkatkan (RS1:4:3)
Legal (Perundangan) Impak perundangan dalam membentuk Pelan Strategik yang berdaya saing	<ul style="list-style-type: none"> Pengukuhan perundangan dan pematuhan kepada undang-undang sedia ada merupakan satu perkara yang perlu diambil kira Pemerkasaan program untuk menyebarluaskan pemahaman tentang perundangan dan penguatkuasaan yang bersepada Penyelarasian tindakan berdasarkan undang-undang sedia ada antara agensi diperlukan terutama isu bersilang punca kuasa dan pentadbiran
Environment (Alam Sekitar) Pengaruh alam sekitar dalam menyusun strategi masa akan datang.	<ul style="list-style-type: none"> Kelestarian alam sekitar merupakan halatuju jangka panjang diperingkat Negeri dan Persekutuan. Ini perlu dizahirkan dalam pelan strategik terutama konsep bandar hijau dan mampan. (RS1:3:3, RS1:3:4) Peranan sebagai pemudahcara dalam mencapai hasrat pelbagai pihak berkaitan kelestarian alam sekitar Sokongan dari pembuat dasar dan pelaksana amat penting dalam menentukan halatuju alam sekitar diperingkat Selayang

3.0 Hala Tuju Strategik**3.1 VISI**

Majlis Perbandaran Selayang
Pemacu Perbandaran
Berdaya Huni ke arah status
Bandaraya pada 2030

3.2 MISI

Memperkasa Pengurusan
Perbandaran ke arah
Komuniti Harmoni, Kehidupan
Lestari serta Persekutuan
Mampan.

3.2 MOTO**MAMPAN – PROGRESIF – SEJAHTERA**

- MAMPAN** - Memenuhi keperluan semasa tanpa menjelaskan keupayaan memenuhi keperluan masa hadapan.
- PROGRESIF** - Sentiasa bergerak maju; bertujuan atau berhaluan mencapai kemajuan (Masyarakat Progresif bermaksud menuju masyarakat yang lebih baik dan maju).
- SEJAHTERA** - Aman dan makmur, senang dan tenteram, terpelihara dari bencana (kesusahan, gangguan, dll)

3.4 NILAI-NILAI BERSAMA

AKRONIM	NILAI	HURAIAN
S	Setia	Setiap warga kerja MPS mempunyai sifat taat dan patuh pada arahan daripada pihak pengurusan.
E	Efisyen	Semua warga kerja MPS berkebolehan untuk melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan dalam memenuhi ekspektasi pemegang taruh, pelanggan dan rakan strategik.
L	Luhur	Melahirkan warga kerja MPS yang berhati mulia dalam melaksanakan tugas tanpa mengharapkan balasan dengan mengikis sifat mementingkan diri dalam melaksanakan tugas sebagai asas pengisian amanah.
A	Amanah	Menanam sikap akauntabiliti dalam bekerja yang boleh meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pihak lain serta mengutamakan kepentingan awam sebagai teras perkhidmatan dalam diri setiap warga MPS.
Y	Yakin	Percaya pada diri dan mampu untuk menyelesaikan masalah serta menjelaskan prinsip-prinsip asas dalam perkara yang berkaitan tugas harian.
A	Adil	Membuat tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak mempunyai sifat berat sebelah.
N	Nasihat-menasihati	Semua warga MPS bersedia memberi dan menerima nasihat dengan ikhlas dan sabar.
G	Gigih	Semua warga MPS mempunyai kesungguhan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.



4.1 TERAS STRATEGIK



4.0 Strategi Dan Formulasi Tindakan

TERAS 1

Memperkasa pengurusan kewangan bagi memantapkan penggunaan sumber hasil untuk meningkatkan kecekapan penawaran perkhidmatan.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
1.1	Pengurusan dan Penguatkuasaan Sistem Cukai Taksiran	Pengutipan cukai yang berkesan dengan penekanan kepada kesedaran awam	Sasaran kutipan hasil	Melebihi 95% daripada anggaran hasil tahunan yang diluluskan.	88%		
		Penggunaan maklumat data raya bagi mengenalpasti kelompongan kutipan cukai	Sasaran peningkatan kutipan hasil	Peningkatan pembayar cukai baharu sebanyak 4%	-	Kedudukan Kewangan Yang Kukuh	Jabatan Perpendaharaan
		Pengurangan tunggakan cukai melalui program bersepadu	Pengurangan tunggakkan	Pengurangan tunggakan cukai sebanyak 80%.	80%		
1.2	Pengembangan Sumber Pendapatan Bukan Cukai	Peningkatan kutipan dari lesen perniagaan dan industri	Peningkatan Perniagaan Berlesen	20% Peningkatan setahun	-		Jabatan Perpendaharaan
		Penguatkuasaan Terma-terma Perjanjian Sewaan	Pematuhan Terma Perjanjian Sewaan	100% kutipan bayaran sewaan	97%	Peningkatan Pendapatan Bukan Cukai Yang Berterusan	Jabatan Pelesenan
		Peningkatan Usaha Mengutip Caj Pemajuan	Peningkatan Kutipan dan Penggunaan Caj Pemajuan	Kutipan RM180 juta	-		Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
1.3	Pemerkasaan Pengurusan Kewangan Dan Belanjawan	Perancangan Pengurusan Kewangan dan Belanjawan yang efisyen	Penyediaan Belanjawan mengikut tempoh masa	100% kutipan pendapatan Perbelanjaan Mengurus yang Optimum, Efektif dan 'Value For Money'.	95%		
		Pemantauan Prestasi Belanjawan Mengikut Suku Tahun dengan bantuan maklumat data raya	Prestasi penggunaan belanjawan	Perbelanjaan Pembangunan mencapai 100%	85%		
		Pelaksanaan Langkah Penjimatkan Perbelanjaan Bersasar	Penjimatkan kos operasi	90% mengikut perancangan	90%	Pengurusan Kewangan dan Belanjawan yang Cekap	Semua Jabatan

TERAS 2

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan perbandaran untuk kesejahteraan komuniti.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
2.1	Pemerksaan Perkhidmatan Perbandaran	Peningkatan Sistem Penyampaian MPS Bagi Perkara Berikut: a) Kebersihan Kawasan Jagaan MPS b) Kutipan Sisa Pepejal c) Penyelenggaraan Infrastruktur / Fasiliti Awam / Jalan	Sistem penyampaian perkhidmatan yang efisyen	a) Pencapaian purata prestasi 90% bagi kontraktor Pembersihan Awam (Pemotongan rumput, Sapuan dan Longkang)	80.35%		Jabatan Pusat Setempat
				Pencapaian purata prestasi 98% bagi kontraktor Kutipan Sisa Pepejal (Domestik dan Pukal)	96.27%		Jabatan Pesuruhjaya Bangunan
		Peningkatan Penawaran Fasiliti Awam	Bilangan Lokasi Baharu	5 lokasi / 1 lokasi setahun	-	Perkhidmatan Perbandaran Kelas Pertama	Jabatan Pembangunan Masyarakat
		Pemantauan Penyelesaian Aduan Penduduk Secara Digital	Pematuhan Piagam Pelanggan	100% pencapaian piagam pelanggan	100%		Bahagian Urusetia Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan
		Peningkatan Program Kitar Semula	Jumlah Program Setahun	8 program setahun	6 prog		Jabatan Perancang Bandar
		Peningkatan Program Kitar Strata (Tambah)	Lokasi Kitar Semula (Strata)	5 lokasi / 1 lokasi setahun	1 Lokasi		Jabatan Korporat
2.2	Peningkatan Kawalan Kebersihan	Pembangunan Program Bersepadu untuk Meningkatkan Kebersihan Restoran dan Gerai-gerai Majlis	Jumlah Program Bersepadu	2 kali setahun / 10 kali dalam tempoh 5 tahun	2 Kali Setahun		Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan
		Peningkatan Pemeriksaan Kebersihan Kawasan Di Bawah Seliaan MPS	Jumlah Pemeriksaan	46 pemeriksaan setahun	24	Peningkatan Kebersihan bagi keselesaan penduduk	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan
		Pemantauan dan Penguatkuasaan Premis Makanan Secara Berkala	Peratusan Premis Diperiksa	2000 premis diperiksa	500		Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan

Strategi Dan Formulasi Tindakan

TERAS 2

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan perbandaran untuk kesejahteraan komuniti.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
2.3	Peningkatan Program Kesedaran Awam	Peningkatan Program Pendidikan dan Kempen Kebersihan/ Alam Sekitar	Jumlah Program Setahun	6 program setahun	3 kali setahun	Peningkatan Kesedaran Awam	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan
		Peningkatan Program Libat Urus Bersama Pemegang Taruh Pelbagai Peringkat	Jumlah Program Setahun	6 program setahun (1 prog setiap 2 bulan)	4 kali setahun	tentang Alam Sekitar	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan
2.4	Peningkatan Penguatkuasaan	Pengreddan Premis	Kuantiti Premis Gred A	80% Premis Bergred B dan ke atas	20 %		Jabatan Pelesenan
		Penguatkuasaan Pemantauan Kebersihan Kawasan Awam (Restoran dan Sampah Haram)	Pematuhan Garis Panduan Kebersihan	2000 premis pemantauan penguatkuasaan	12 % (236 Premis)		Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan
		Pengurangan Premis Tanpa Lesen	Jumlah Sitaan Premis Tanpa Lesen	60 sitaan setahun	2 kali setahun	Peningkatan Penguatkuasaan dan Keterlibatan MPS	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan
		Pengawalan Punca Pencemaran Sumber Air Pemantauan ROL dan Penguatkuasaan	Jumlah Aduan Daripada Agensi Berkaitan (JPS,LUAS)	1. Pemantauan penyelenggaraan perangkap minyak berpusat 60 kali	12 kali		
		Alam Sekitar		2. Kurang daripada 10 aduan setahun	9 Aduan		
2.5	Pemerkasaan Jenama MPS sebagai PBT yang Disegani	Pengukuhan Imej Mesra Pelanggan Serta Tegas	Program Libat Urus	6 program setahun	4 kali setahun	Pengukuhan Imej MPS di Kalangan Penduduk	Jabatan Korporat Jabatan Pembangunan Masyarakat Bahagian Urusetia
		Pengukuran Indeks Kepuasan Pelanggan	Indeks Kepuasan Pelanggan	85% kepuasan pelanggan / Rating 4 bintang	74%		

TERAS 3

Memantapkan perancangan pembangunan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dan berdaya huni.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
3.1	Penyediaan Pelan Perancangan Pembangunan Yang Menyeluruh	Pembangunan Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Penggantian) 2030	Jumlah RT dikeluarkan	1 RT diwartakan sebelum 2022	Belum diwartakan	Pembangunan yang sistematik dan tersusun	Jabatan Perancang Bandar
		Pengawalan Pembangunan Dilaksanakan Secara Menyeluruh.	Peratusan Pematuhan RT	100% pematuhan RT	87%	Pelaksanaan Konsep Bandar Hijau yang mampan	Jabatan Perancang Bandar
		Pembangunan kawasan lapang secara teratur	Peningkatan Kawasan Lapang	Pewartaan 60 plot setahun	43 plot		Jabatan
3.2	Pewujudan Kejiranan Hijau Selaras Dengan Pembangunan Mampan	Laluan Pejalan kaki dan Berbasikal	Jarak (KM)	15 km setahun	-	Pelaksanaan Konsep Bandar	Landskap
		Peningkatan kawasan hijau dalam bandar	Saiz Kawasan Hijau	Peningkatan 30%	-	Pintar dan Mewujudkan	
		Pembangunan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH)	Jumlah SPAH	80 setahun	71 unit	Pembangunan Perbandaran Yang Mampu Mengelakkan Kelestarian Alam	Jabatan Kejuruteraan
3.3	Pembangunan Konsep Bandar Pintar	Pembangunan Konsep Bandar Pintar dalam bidang tersebut: a. Lampu Isyarat Trafik (Pemasangan smart traffic light system sensor & monitoring)		10 unit setahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan	Pengurusan Kelulusan Projek Pemaju serta Kawalan Pengurusan Projek MPS yang Lebih Sistematis dan Efisien	
		b. Lampu Jalan (Penukar lampu jalan sedia ada jenis SON kepada jenis LED beserta pemantauan sistem lampu jalan pintar	Jumlah Pemasangan	10 tahun konsesi	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan	Pelaksanaan Konsep Bandar	Jabatan Perancang Bandar
		c. Kelulusan pelan Kerja Tanah, Jalan Parit dan Lampu Jalan secara online dan bersistem	Kuantiti permohonan diluluskan mengikut tempoh piagam	5 Tahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan	Pintar dan Mewujudkan Pembangunan Perbandaran yang Mampu Mengelakkan Kelestarian Alam	
		d. Mewujudkan sistem kawalan pengurusan projek secara online/ real time (Projek Marris dan Kerja Penyelenggaraan MPS	Tempoh masa penyiapan dan Tempoh masa bayaran dan pemulangan cagaran	5 Tahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan	Mengelakkan Kelestarian Alam	

Strategi Dan Formulasi Tindakan

TERAS 3

Memantapkan perancangan pembangunan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dan berdaya huni.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
3.3	Pembangunan Konsep Bandar Pintar	e. Permohonan permit kerja kejuruteraan secara online seperti kebenaran kerja korek jalan	Kuantiti permohonan diluluskan mengikut tempoh piagam	5 Tahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan	Penyampaian maklumat kepada masyarakat dengan lebih efektif dan menarik	Jabatan Kejuruteraan
		f. Menggunakan bahan binaan terbuang di dalam kerja penyelenggaraan jalan seperti waste premix, Cold in Place Recycle (CIPR)	Kuantiti penggunaan semula dalam bentuk keluasan	5 Tahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan		
		g) Penggunaan teknologi hijau dalam pembinaan jalan dan infrastruktur seperti On Site Detention (OSD) Tank dan Grasscrete Parking	Mengurangkan kawasan banjir pada kawasan hots pot	5 tahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan		
		h) Penggunaan smart energy system pada Bangunan MPS - Pemasangan Solar Panel - Penggunaan timer bagi kawalan automatik on/off sistem penghawa dingin - Penggunaan sesnor bagi kawalan kecerahan lampu secara automatik	Kuantiti penjimatan elektrik dalam bentuk kilowatt (kW) dan penjimatan wang perbelanjaan bil elektrik (RM)	5 tahun	Dalam Perancangan & Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan		
		i) Penggantian lampu limbah Stadium MPS kepada jenis LED		2023	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan		
		j) Hebahan maklumat berkaitan sebarang aktiviti MPS menggunakan papan layar LED	Jumlah Pemasangan	5 tahun	Dalam Pelaksanaan Jabatan Kejuruteraan		
		Pengenalan Skim Galakan kepada Pemaju dalam Menyokong Konsep Bandar Pintar	Penawaran Skim Galakan	3 skim sehingga 2025	Jabatan Kejuruteraan Perancang Bandar		Jabatan Perancang Bandar



TERAS 3

Memantapkan perancangan pembangunan untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan dan berdaya huni.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
3.4	Pewujudan Pembangunan Eko-Pelancongan	Pengiktirafan Bangunan MPS sebagai Green Building Pengenalan insentif bagi Pembangunan Eko Pelancongan Penyediaan Pelan Pembangunan Semula Tanah Milik Majlis	Penarafan GBI Penawaran Skim Insentif Eko Pelancongan Jumlah Lokasi Eko Pelancongan	Pengekalan Status GBI Diamond 2 skim sehingga 2025 6 lokasi sehingga 2025	Diamond - 4 lokasi 2016 – 2020	Pelaksanaan Perbandaran Mesra Eko Pelancongan Jabatan Landskap Jabatan Korporat Bahagian Urusetia,	Jabatan Perancang Bandar Jabatan Landskap Jabatan Korporat Bahagian Urusetia,
3.5	Peningkatan Kualiti Pembangunan Landskap	Pelaksanaan Pelan Induk Landskap (Jangkaan 2018-2023). Penyediaan Skim Galakan untuk Pemaju dalam menyokong aspirasi Pembangunan Landskap	Pembangunan Pelan Penawaran Skim Galakan untuk Pemaju	100% pematuhan Pelan Induk Landskap 2 skim sehingga 2025	100% -	Pengindahan Landskap Kawasan Selayang	Jabatan Landskap

TERAS 4

Memperkuatkan jalinan kolaborasi dengan rakan strategik untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
4.1	Peningkatan aktiviti libat urus antara Ahli Majlis Dalam Menghubungkan MPS Dengan Masyarakat	Pelaksanaan Program Kemasyarakatan Bagi 24 Zon JKP	Pelan Pelaksanaan Program JKP	300 program setahun 12000 penyertaan penduduk setahun	260 program Dalam Pelaksanaan	Program Bersama Ahli Majlis yang Efektif	Jabatan Pembangunan Masyarakat Jabatan Korporat Bahagian Urusetia
		Menyelaras mesyuarat bersama Ahli Majlis melalui Mesyuarat Majlis / Jawatankuasa / Aduan	7 Mesyuarat Jawatankuasa	90% penyelesaian isu berbangkit	Dalam Pelaksanaan		Jabatan Pembangunan Masyarakat Bahagian Urusetia
4.2	Pembinaan Jaringan Hubungan MPS Dengan Rakan Strategik	Peningkatan Kerjasama Antara MPS, NGO, Swasta dan Agensi Kerajaan	Jumlah Program Setahun	4 program setahun	2 program	Pengukuhan Jaringan Hubungan Bersama Rakan Strategik	Se semua Jabatan
		Perancangan Program Libat Urus Bersama Komuniti Perniaga dan Industri	Jumlah Program Setahun	6 program setahun	4 program		
4.3	Pemantapan Hubungan Strategik Dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bersempadan	Pelarasan Program Bersama Dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang Bersempadan Dengan MPS	Jumlah Program Setahun	6 program setahun	4 program setahun	Pengukuhan Jaringan Hubungan Bersama PBT Bersempadan	Jabatan Korporat
		Pembentukan JK Bertindak bagi isu-isu yang kritikal	Jumlah Mesyuarat Setahun	2 mesyuarat setahun	Korporat		
		Pelaksanaan Program Turun Padang ke Kawasan Bermasalah	Jumlah Program Setahun	6 program setahun	4 program		
4.4	Pemantapan Hubungan Dan Penglibatan Badan-Badan Profesional, Rakan Perniagaan (Business Partner) Dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).	Peningkatan Kerjasama Dengan Badan Berkepentingan Untuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	Jumlah Program setahun	6 program setahun	4 program	Peningkatan Penglibatan Rakan Strategik dalam membuat keputusan	Jabatan Korporat Jabatan Pembangunan Masyarakat Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan Jabatan Perancang Bandar Jabatan Lanskap
		Penglibatan Badan Profesional Dalam Membuat Keputusan Bagi Isu Berbangkit	Penglibatan Badan	1 badan professional setahun	Tiada		
		Pewujudan Jaringan Kolaborasi yang kukuh diperingkat Negeri dan Persekutuan	Professional Jumlah kolaborasi setahun	2 program bersama setahun	1 program		



TERAS 5

Memantapkan tadbir urus untuk meningkatkan kecemerlangan organisasi.

No	Strategi	Program	Indikator	Sasaran	Status Terkini	Outcome Keberhasilan	Jabatan Bertanggungjawab
5.1	Pemerkasaan Pengurusan Sumber Manusia	Penyusunan semula fungsi dan carta organisasi ke arah MPS yang lebih proaktif dan maju	Penyusunan Semula Carta Organisasi & Fungsi	1 semakan sebelum 2024	Dalam Tindakan penyediaan data bagi permohonan penstrukturkan semula organisasi		
		Pembangunan Pelan Penggantian bagi Jawatan Kritikal	Pembangunan Pelan Penggantian	1 pelan penggantian sebelum 2024	Tiada pelan penggantian		Jabatan Khidmat Pengurusan
		Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) untuk Warga MPS dan Pemegang Taruh	Pembangunan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP)	Mewujudkan OACP MPS bagi tahun 2023	Penerbitan Buku OACP MPS bagi Tahun 2023-2025		
		Penarafan ABMS	Penarafan ABMS	1 penarafan sebelum 2025	Kaedah Akreditasi ABMS	Warga Kerja yang Kompeten dan Berintegriti	Unit Integriti
		Peratusan Kehadiran Kursus	Peratusan Kehadiran Kursus	90%	87.88 % (data berdasarkan maklumat sehingga 30 September 2022)		
		Penyediaan Pelan Latihan berteraskan Kompetensi Masa Akan Datang					Jabatan Khidmat Pengurusan
		Pemerkasaan Program Libat Urus bersama Jabatan / Kesatuan	Jumlah Program Setahun	4 program setahun	3 program		
5.2	Pemantapan Pengurusan Kewangan	Pelarasian Garis Panduan dan Piawaian-Piawaian Umum dari yang Hasil Diterima dan Wang Dibelanjakan	Sijil Akauntabiliti Indeks	5 bintang	Perpendaharaan	Peningkatan Pematuhan Garis Panduan dan Piawaian Kewangan	Jabatan Perpendaharaan
5.3	Pemerkasaan Proses Kerja Bersepadu serta Berintegriti	Pembangunan Pelan Penambahbaikan Proses Kerja Secara Bersepadu	Jumlah Pelaksanaan Pelan Penambahbaikan	2 pelaksanaan setahun	-		Jabatan Khidmat Pengurusan
		Pembangunan Sistem Audit Pemantauan Projek berkaitan dengan Bandar Mampan/Bandar Hijau/Smart City/Eko-Pelancongan	Bilangan sistem yang dibangunkan	1 Sistem	Dalam Perancangan		Jabatan Audit
		Pemerkasaan amalan Integriti dikalangan Warga Kerja MPS	Pelaksanaan Program Integriti	4 Program Integriti setahun	6 Program telah dilaksanakan	Peningkatan Kecekapan Proses Kerja Dalam	Jabatan Integriti
			Penyelesaian Aduan Integriti	Memberi maklumbalas kepada pengadu dalam tempoh 7 hari bekerja selepas mendapat keputusan	60% Aduan yang mencapai sasaran		Jabatan Audit Dalam
							Unit Integriti

5.0 Pelaksanaan Ke Arah Kejayaan

5.1 MEKANISME PELAKSANAAN

- Urusetia Pelan Strategik akan membangunkan Jadual Pelaksanaan bagi setiap strategi dan program. Laporan Pencapaian Pelaksanaan Pelan Strategik akan diedarkan kepada Ahli Majlis.
- Hebahan promosi mengenai kesedaran Pelan Strategik MPS 2022-2025 akan dilaksanakan secara berkala melalui poster, taklimat, portal Rasmi MPS dan mesyuarat yang mana bersesuaian.
- Peruntukan sumber yang berkaitan bagi setiap program dimasukkan dalam bajet tahunan MPS.

5.2 PEMANTAUAN / PENILAIAN / WAY FORWARD

BIL	PERKARA	TEMPOH
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	1 tahun sekali
2.	Penilaian Pencapaian	6 bulan sekali
3.	Kajian Semula Pelan Strategik	Tahun 2024
4.	Lab Pembangunan Pelan Strategik 2026-2030	Tahun 2025

Sepanjang tempoh 2022-2025 , MPS akan memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan lebih berkesan dari masa ke masa. Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik dirancangkan akan diadakan 6 bulan sekali bagi melihat pencapaian setiap Jabatan / program /aktiviti yang telah disenaraikan. Mesyuarat separa penggal akan mengukur dan mengkaji semula butiran program Mengikut kesesuaian semasa. Lab Kajian semula pelan strategik bagi Kajian menyeluruh setiap program yang tidak mencapai sasaran bagi penambahbaikan pembangunan Pelan Strategik yang akan datang. Mesyuarat- mesyuarat ini akan dipengerusi oleh Yang Dipertua MPS bagi memastikan semua program dan tindakan berjalan dengan lancar. Ahli-ahli Mesyuarat Pelan Strategik MPS 2022-2025 adalah terdiri daripada :

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Yang Dipertua MPS
Naib Pengerusi	Timbalan Yang Dipertua
Setiausaha	Pengarah Korporat
Ahli-ahli	Semua Pengarah Jabatan
Urusetia	Bahagian Inovasi dan Kualiti, Jabatan Korporat



5.3 ELEMEN PENETU KEJAYAAN

Pelan Strategik MPS 2022-2025 dibangunkan bagi memastikan MPS bergerak seiring dengan ekspektasi pelanggan dan kemajuan Negara. Dalam memastikan perkara ini dicapai dan dihayati oleh warga MPS, elemen-elemen di bawah adalah penentu kepada keberhasilan program pelan tindakan yang dibangunkan :

1. KEPIMPINAN DAN KECEMERLANGAN ORGANISASI

Kepimpinan merupakan elemen paling penting dalam menentukan kejayaan MPS. Kecemerlangan organisasi pula mendorong warga kerja merealisasikan sasaran MPS ke tahap yang lebih kukuh. Usaha penyatuan kedua-dua elemen ini adalah kunci utama yang akan memastikan kerjasama yang erat dan padu dalam membentuk kecemerlangan MPS. Sokongan pengurusan tertinggi turut menyuntik semangat dikalangan warga kerja dalam mencapai Visi dan Misi.

2. PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERINTEGRITI

Bagi membentuk modal insan yang berintegriti, warga MPS perlu dilengkapi dengan pelbagai bentuk ilmu pengetahuan, sentiasa bersedia dalam apa jua bentuk situasi, rajin serta bersemangat tinggi. Peningkatan kemahiran dan kompetensi melalui bengkel dan kursus mengikut bidang tugas adalah kunci kejayaan bagi membentuk seorang pekerja yang mahir dalam pelbagai aspek. Slogan "KITAKAN MPS" perlu menjadi amalan dan budaya.

3. SUMBER KEWANGAN YANG KUKUH

Perancangan yang mantap serta pengurusan kewangan yang bijak akan meningkatkan sumber hasil dan mengukuhkan kewangan MPS. Usaha-usaha gigih warga kerja MPS melaksanakan pengurusan kewangan yang efisien, pemantauan dan pengauditan secara berkala dapat memastikan sumber kewangan MPS digunakan dengan lebih berkesan 'Value For Money'. Kedudukan kewangan yang kukuh juga membolehkan MPS melaksanakan perancangan dan pembangunan yang moden pada era yang akan datang menjelang tahun 2025.



MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang

No. Tel: 03 6126 5800

Fax: 03 6138 2728

E-mel: aduanmps@mps.gov.my

Facebook: www.facebook.com/EKSAMPS

Tollfree: 1800-222-677